

21/03/2003

Sistem pendidikan negara tidak lemah

PANDANGAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kaum bukan Melayu kurang berminat menghantar anak mereka ke Sekolah Kebangsaan kerana imej Islam sekolah berkenaan bukan menunjukkan kelemahan sistem pendidikan negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Khir, berkata pandangan itu dibuat dalam mencari formula bagi mewujudkan integrasi kaum dan agama di sekolah kebangsaan.

Katanya, parti pembangkang sengaja menjadikan ia sebagai isu dan modal politik bagi menunjukkan seolah berlaku kelemahan dalam dasar sistem pendidikan kebangsaan melalui sekolah itu.

"Pada Pas (pandangan Dr Mahathir) adalah satu kecaman dan celaan kepada sistem pendidikan. Pada saya itu adalah anggapan yang salah.

"Apa yang mahu disarankan oleh Perdana Menteri ialah bagaimana nak mencari formula supaya soal integrasi kaum dan agama dapat dilakukan," katanya ketika menjawab soalan tambahan wakil rakyat Jerlun (PAS), Dr Abu Bakar Osman.

Abu Bakar mahu penjelasan mengenai kebenaran dakwaan Dr Mahathir sebelum ini bahawa kaum bukan Melayu tidak berminat memasuki Sekolah Kebangsaan kerana imej Islam yang diterapkan di sekolah itu.

Mahadzir berkata, kajian oleh kementerian itu pada Julai 1999 mendapati kebanyakan sekolah yang dibina di luar bandar majoriti pelajarinya adalah Bumiputera dan di bandar adalah bukan Bumiputera.

"Kita bangkitkan perkara ini supaya ibu bapa bertanggungjawab mewujudkan proses integrasi.

"Sebab itu kita perkenalkan Sekolah Wawasan yang mana ia ditentang, dipulau dan dipolitikkan pembangkang. Kita bercakap untuk membina sistem pendidikan kebangsaan yang secara tidak langsung mempertingkatkan integrasi kaum," katanya.

Terdahulu dari itu ketika menjawab soalan tambahan Ahli Parlimen Mambong, Dr James Dawos Mamit, beliau berkata, pengagihan pelajar adalah mengikut jarak sekolah berhampiran dengan kediaman rumah.

Beliau berkata, walaupun secara idealnya kerajaan mengharapkan jumlah peratusan hampir sama pelbagai kaum dapat belajar dalam satu sekolah, namun perkara itu tidak berlaku dalam keadaan sebenar.

"Cadangan YB untuk mengagihkan pelajar mengikut suku kaum (di sekolah) memang satu perkara yang ideal, tetapi apakah ibu bapa sanggup hantar anak mereka ke sekolah yang jauh dari tempat tinggal?" katanya.